

# UPM temui penawar barah

BH / 22.6.06

## Linamarin ubi kayu mampu rawat leukemia, payu dara, ovari dan rahim

Oleh Syuhada Choo Abdullah

**U**SAHA bidang perubatan negara memerangi penyakit barah maju setapak lagi apabila penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menemui penawar terbaru yang dihasilkan daripada ekstrak getah pokok ubi kayu.

Melalui ujian makmal setakat ini, ekstrak getah yang mengandungi sejenis kimia dikenali sebagai linamarin itu terbukti mampu mengawal serta membunuh sel barah leukemia, payu dara, ovari dan rahim.

Penemuan itu hasil penyelidikan penyarah Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Alam Sekitar, Fakulti Kejuruteraan UPM, Dr Norhafizah Abdullah, bersama Rozita Rosli, Prof Madya Dr Fakru'l-Razi Ahmad dan Prof Madya Dr Robiah Yunus.

Lebih membanggakan, produk penyelidikan yang dikenali sebagai *Isolation & Encapsulation of Cassava Linamarin in Biodegradable Nanoparticles for Cancer Cells Targeting* itu berjaya merangkul pingat emas pada Pameran Penemuan dan Produk Baru (Inpex) di Pittsburgh, Amerika Syarikat, dari 7 sehingga 11 Jun lalu.

Pada sidang akhbar mengenai kejayaan itu di UPM, Serdang, semalam, Norhafizah berkata, penyelidikan berkenaan dijalankan sejak tiga tahun lalu dan hasil penemuannya sudah dipatenkan, bulan lalu.

"Penawar berasaskan tumbuh-tumbuhan ini adalah satu lagi alternatif kepada kaedah rawatan penyakit barah sedia ada. Malah, ia didapati mampu membunuh sel empat jenis barah setakat ini berbanding yang ada di pasaran, suatu jenis ubat hanya boleh menjadi penawar sejenis penyakit barah," katanya.

Lebih 20 negara menyertai pame-

ran antarabangsa itu, termasuk United Kingdom, Russia, Sepanyol, Afrika Selatan, Norway, China, Australia, Belgium, Taiwan, Jerman dan Korea.

Sebanyak 50 kategori dipertandingkan. Setiap kategori menyediakan anugerah emas, perak dan gangsa kepada tiga peserta terbaik. Selain UPM, Universiti Teknologi Mara turut menghantar tiga penyertaan tahun ini.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof Dr Nik Mustapha R Abdullah, pada sidang akhbar sama berkata, produk terbabit satu daripada dua penyertaan universiti berkenaan di Inpex kali ini.

Katanya, satu lagi produk penyertaan UPM ialah *Enhanced Micro Mobility Test-Bed in Multicast Based Mobile IPv6 Wireless Networks* hasil penyelidikan Prof Madya Dr Sabira Khatun dari Jabatan Kejuruteraan Komunikasi dan Sistem Komputer, Fakulti Kejuruteraan, bersama Prof Dr Borhanuddin Mohd Ali.

Beliau berkata, produk itu berjaya memenangi lima anugerah, iaitu Anugerah Khas KIPA, Anugerah Khas - *Best Invention of the Pacific Rim*, pingat emas masing-masing bagi kategori perisian komputer dan kejuruteraan serta gangsa (Telekomunikasi).

"Bukan itu saja, penyarah Fakulti Kejuruteraan UPM, Prof Madya Dr Ratnasamy Muniandy, turut dilantik sebagai juri antarabangsa pada pameran tahun ini. Pengiktirafan dan kemenangan ini adalah satu pencapaian besar bagi UPM.

"UPM hanya memilih produk terbaik ke pameran di Pittsburgh. Ini bermakna pencapaian bidang penyelidikan UPM boleh dikelaskan sebagai berkualiti dunia. Sekurang-kurangnya kita mampu bersaing dengan penyelidik dari lebih 20 negara lain, termasuk yang maju.



KEBANGGAAN NEGARA: Nik Mustapha (kanan) melihat pingat yang dimenangi penyelidik UPM pada Inpex tahun ini sambil diperhatikan Norhafizah (tengah) dan Ratnasamy.

“Penyelidikan lanjutan akan dijalankan, sama ada linamarin juga mampu mengubati penyakit barah prostat”

Dr Norhafizah Abdullah  
Penyarah

"Ini secara langsung meletakkan UPM dalam peta dunia, selaras agenda pengantarabangsaan kita. UPM akan terus menyertai pameran sebegini tetapi atas dasar selektif, iaitu hanya menghantar produk yang terbaik," katanya.

Dalam konteks berkaitan, Dr Nik Mustapha berkata, UPM akan menyertai pertandingan penyelidikan yang kompetitif dan berprestij bagi memperoleh pendedahan bersaing dengan penyelidik terkemuka dunia.

Sambil menegaskan ini tidak ber-

makna UPM memperkecilkan mana-mana pameran, beliau berkata, universiti itu perlu mengoptimalkan sumber kewangan terhad untuk mendapatkan impak terbaik dalam bidang penyelidikan.

Selain itu, katanya, UPM sedang berusaha secara agresif ke arah pengkomersialan produk penyelidikan yang berkualiti.

Setakat ini, 42 produk sudah dikomersialkan, manakala lebih 70 lagi yang berpotensi sedang diusahakan untuk memasuki pasaran dalam dan luar negara.